



EL-WAZIF

e-Buletin

ISU BULANINI

- Mesyuarat Khas Isu Pelajar Kolej Semasa PKP
- Ziarah Mahabbah
- Hotline WhatsApp - Inisiatif Unit EL-WAZIF
- Sesi Temuduga Pekebun WaDI
- Edaran Zakat Pelajar UiTMCM
- PKP - Peluang Kepada Penyumbang




MESYUARAT KHAS - KEPERLUAN SUMBANGAN KEPADAS RESIDEN KOLEJ SEMASA PKP

1 Jun 2021 - Satu mesyuarat khas bersama Bahagian Zakat, Sedekah dan Waqaf (ZAWAF), UiTM Shah Alam dan Koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Waqqf (UZSW) dari seluruh cawangan UiTM telah diadakan secara atas talian.

Mesyuarat ini bertujuan membincangkan isu khas keperluan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang menetap di dalam kolej seluruh cawangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 1 ini.

Kebajikan para pelajar tetap diutamakan dalam apa juar situasi.





Gambar Sekadar Hiasan | Jurufoto: Mohd Nabil Zathemay, FSKM

ZIARAH MAHABBAH

Sumbangan Kepada Bukan Warga UiTM

Tersentak perasaan kami - itulah gambaran yang dapat dihurai apabila menerima sebuah mesej melalui WhatsApp - permohonan bantuan beserta gambar-gambar keadaan sebuah keluarga ketika itu.

Ceritanya, unit EL-WAZIF sedang giat menghebahkan poster iklan bantuan untuk pelajar dan kakitangan UiTMCM yang terkesan kerana PKP 3.0 ini.



Ianya antara inisiatif dan ikhtiar UiTMCM untuk menjelak dan membantu warga UiTMCM yang benar-benar memerlukan di kala PKP dilaksanakan.

Dari beberapa mesej permohonan yang kami terima, ada satu pemohon dari luar UiTM yang tidak dikenali, memohon bantuan makanan untuk keluarganya.


Walaupun bukan tanggungjawab El-Wazif secara langsung, namun atas dasar ihsan dan tanggungjawab sosial, kami gerakkan sendiri kutipan kilat bagi membantu keluarga tersebut.

Alhamdulillah, ada beberapa hamba Allah yang sudi membantu.

Terima kasih penyelaras Seksyen Infaq KAG, Dr Khairul Azhar Meerangani yang menjadi orang tengah, dan Syeikh Mikhail El Muhammady yang membantu menjelaki keluarga ini.

Terima kasih diucapkan pada semua penyumbang, semoga dimurahkan rezeki. Semoga Allah merahmati kita.

**Sumbangan
WAQAF DUSUN
ILMU**
**Jumlah terkumpul
sehingga Mei 2021**
RM32,712.00



Sumbangan boleh disalurkan ke akaun

BANK ISLAM

Bank Islam UiTM
Cawangan Melaka:
04024010017652
(Reference: 'Waqaf
Dusun Ilmu').

HOTLINE EL-WAZIF: INISIATIF MENJEJAK MEREKA YANG MEMERLUKAN

70 Orang Pelajar & Kakitangan UiTM Mendapat Bantuan Semasa PKP

Aplikasi WhatsApp sinonim digunakan kini ramai golongan tidak kira peringkat umur. Kini rata-rata pengguna telefon pintar mempunyai akaun WhatsApp. Ini termasuklah para pelajar mahupun kakitangan UiTM.

Menyedari tanggungjawab sosial sempena perintah PKP 3.0 / Lock Down yang diisyiharkan oleh kerajaan bermula 1 Jun 2021 yang lalu, Unit EL-WAZIF telah melaksanakan satu inisiatif tersendiri dengan mewujudkan iklan HOTLINES WHATSAPP khas untuk semua pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Melaka yang terkesan dengan perintah kawalan pergerakan ini.

Seperti gambar di bawah, iklan ini telah disebarluaskan melalui e-mel, *WhatsApp Group* serta melalui media sosial dengan bantuan MPP dan pensyarah bagi mengesahkan sekiranya terdapat pelajar atau kakitangan

UiTCM mengalami masalah kewangan khususnya terputus bekalan makanan sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini.

Sekiaranya ada mana-mana pelajar atau staf UiTM Melaka yang mempunyai masalah kewangan (terputus bekalan makanan), sila hubungi penyelaras seksyen infak kampus masing-masing di talian berikut:

(ketik pada nama bergaris untuk berhubung terus melalui aplikasi WhatsApp).

1. Penyelaras Seksyen Infaq KAG
Dr Khairul Azhar Meerangani

2. Penyelaras Seksyen Infaq KBM
Dr Ahmad Rosli Mohd Nor

3. Penyelaras Seksyen Infaq KJM
Ustaz Muhammad Faidz


Cawangan Melaka


HOTLINES WHATSAPP

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF), UiTM MELAKA
TOTAL LOCKDOWN PKP 3.0 FASA KE-2 (15 - 28 Jun 2021)

"Kami Peduli Kesukaran Anda, Hubungi Kami Segera"

013-3185436 019-6317925 012-6192503

DR KHAIRUL AZHAR MEERANGANI USTAZ MUHAMMAD FAIDZ DR AHMAD ROSLI MOHD NOR
 Penyelaras Seksyen Infaq KAG Penyelaras Seksyen Infaq KJM Penyelaras Seksyen Infaq KBM

WAKTU OPERASI : 8.00 PAGI - 5.00 PETANG (LOCK DOWN FASA KE-2)

OBJEKTIF
 Menyalurkan **BANTUAN SEGERA** kepada **PELAJAR** dan **STAF** dalam kategori **ASNAF ZAKAT** dan **B40** yang terkesan akibat daripada pelaksanaan Total Lockdown PKP 3.0

KELAYAKAN MEMOHON
 1. Pemohon **TIADA** sumber kewangan atau terputus **BEKALAN MAKANAN** akibat "Total Lockdown PKP 3.0"
 2. Bagi pemohon kategori **PELAJAR**, pemohon mestilah **BUKAN** terdiri daripada kalangan pemohon zakat melalui sistem E-ZAKAT UiTM (Permohonan ini dalam proses akhir untuk agihan).

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF) UiTM CAWANGAN MELAKA



Gambar hiasan | Jurufoto: Mohd Nabil Zulhemay, FSKM

EL-WAZIF ADAKAN SESI TEMUDUGA

Pencarian Pekebun Waqaf Dusun Ilmu (Pekebun WaDI)

Pada tanggal 28 Jun 2021, telah diadakan sesi temuduga calon-calon pekebun Waqaf Dusun Ilmu (WaDI). Bertempat di pondok WaDI yang sedang dalam proses untuk disiapkan, sesi temuduga berlangsung serba ringkas dalam tempoh masa yang singkat serta mengikut garis panduan dari pihak kerajaan berhubung prosedur sepatutnya atau S.O.P semasa perintah kawalan pergerakan.

Seramai 5 orang calon sekitar Alor Gajah berminat memohon tawaran kerja sebagai Pekebun WaDI, setelah diiklankan dalam tempoh tidak sampai satu minggu melalui aplikasi Whatsapp.

Bersempena tanaman yang semakin membesar dan memerlukan jagaan rapi, seorang tenaga kerja 'sepenuh masa' diperlukan segera bagi memastikan kawasan projek WaDI ini terjaga dan terpelihara, terutamanya dalam tempoh PKP. Hal ini bagi memastikan pertumbuhan anak-anak pokok berjalan mengikut jadual.

Pekebun WaDI atau bahasa mudahnya, tukang kebun yang terpilih akan mula melaporkan diri pada hari Isnin minggu hadapan, untuk memulakan kerja-kerja atas pertanian seperti memesin rumput, merumpai, membaja dan menyiram.



LEBIH 700 PELAJAR MENERIMA ZAKAT

Zakat Sesi Mac - Ogos 2021 Telah Disampaikan

Alhamdulillah, lebih 700 orang pelajar UiTM Cawangan Melaka telah diluluskan permohonan zakat mereka. Ianya meliputi ketiga-tiga kampus iaitu KAG, KBM dan KJM.

Zakat ini telahpun dikreditkan ke akaun penerima bermula pertengahan bulan yang lalu iaitu pada 17 Jun 2021 secara berperingkat.

Semoga para pelajar ini diringankan beban mereka dan dapat mengharungi sesi pembelajaran dengan jaya.

Kepada semua pihak samaada penerima, pembayar zakat, penyumbang waqaf dan infaq, sebarang maklumat dan kemusykilan boleh berhubung dengan pihak El-Wazif. Sila layari [Facebook El-Wazif](#) untuk hebahan.

PKP - PELUANG KEPADA PENYUMBANG

Oleh: Mohd Nabil Zulhemay, FSKM, UiTM Caw. Melaka, Jasin

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia menyebabkan satu inisiatif dari kerajaan dilaksanakan untuk mengekang penularannya. Itulah - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kita semua maklum.

Rentetan dari PKP ini, maka terencatlah ekonomi sebahagian masyarakat. Sehingga ada yang mengalami depresi serius - memikirkan ada perut yang perlu diisi. Ada mulut yang perlu disuap. Ada hutang yang perlu dilunaskan. Inilah realiti kehidupan yang ditanggung segelintir rakyat.

Bagi golongan yang berkemampuan, secara peribadi penulis menyeru, pandanglah PKP ini sebagai satu PELUANG. Anggaplah ini peluang yang diberikan Pencipta kepada hambaNya. Peluang untuk menghulur kepada yang memerlukan. Peluang untuk kumpul sebanyak mungkin harta di 'sana' kelak.

Inilah 'PKP' bagi golongan yang yakin terhadap amalan sedekah. Jangan dilepaskan peluang ini. PKP - 'Peluang Kepada Penyumbang'.



Unit EL-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Encik Mohd Suhaimi bin Abd Rahman, Pembantu Awam UiTMCM, yang telah kembali ke rahmatullah pada hari Rabu, 13 Zulqa'didah 1442H / 23 Jun 2021. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Amin.